

Kerajaan tak bercadang mansuh kad perakam waktu

UM 30 JUL 2002

PUTKAJAYA 29 Julai — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, kerajaan tidak bercadang memansuhkan sistem kad perakam waktu walaupun ada kejadian memabitkan kakitangan awam lewat ke pejabat.

Perdana Menteri berkata, sungguhpun berlaku perbuatan seumpama itu, beliau menganggap ia hanya kes terpencil.

Dalam hubungan ini, kata beliau, Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) boleh membantu menangani masalah kakitangan yang sering melakukan perkara bertentangan dengan piagam pelanggan.

“Saya selalu juga tengok orang (kakita-

ngan awam) keluar pejabat pada pukul 3 petang untuk main golf.

“Dalam hal ini (menangani masalah kakitangan yang mengambil masa lama untuk minum pagi dan petang), Cuepacs boleh membantu,” katanya kepada pemberita selepas mengumumkan pelaksanaan Sistem Saraan Malaysia (SSM) di sini hari ini.

Perdana Menteri ditanya sama ada kerajaan akan memansuhkan sistem kad perakam waktu yang diperkenalkan oleh beliau pada awal 1980-an.

Ini ekoran pendedahan Ketua Setiausaha Negara (KSN), Tan Sri Samsudin Osman di Petahng Jaya, hari ini, berhubung ada

kakitangan awam mengambil masa lama untuk minum pagi dan petang.

Samsudin selepas merasmikan Konvensyen Pengurusan Pengaduan Awam Kebangsaan anjuran Biro Pengaduan Awam 2002 mengarahkan semua ketua jabatan memberi perhatian kepada masalah kakitangan terbabit.

Katanya, semua jabatan hendaklah memberi perkhidmatan yang cepat dan tidak membuat para pelanggan menunggu-nunggu sewaktu mendapatkan perkhidmatan.

Kata Samsudin, perkhidmatan kepada pelanggan dan pengguna perlu diutamakan.